

TERMA DAN SYARAT
Kempen: Jom Zakat Simpan SSPN

Tempoh Kempen

1. Kempen **Jom Zakat Simpan SSPN** (“Kempen”) dianjurkan bersama oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Negara (PTPTN). Setiap sebutan “**LZS**” merujuk kepada Lembaga Zakat Selangor dan sebutan “**Penganjur**” merujuk kepada kedua-dua pihak.
2. Kempen akan bermula pada **1^{hb} November 2024** pada **jam 00:01 (GMT+8)** dan tamat pada **31^{hb} Disember 2024** pada **jam 23:59 (GMT+8)**, kedua-dua tarikh termasuk (“**Tempoh Kempen**”).
3. Sebarang pertukaran jadual kempen, adalah tertakluk kepada budi bicara Penganjur, di mana Penganjur diberikan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalender untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau tamat Jadual Kempen (mengikut mana yang berkenaan) dengan persetujuan pihak Penganjur.

Kelayakan

4. Semua pendeposit simpan SSPN aktif baharu dan sedia ada layak untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”).
5. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori individu/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah

7. Berikut adalah hadiah-hadiah yang disediakan kepada bakal Pemenang Kempen ini: -

| Kategori Hadiah | Deskripsi Hadiah | Hadiah | Jumlah Bilangan Pemenang sepanjang Tempoh Kempen |
|-------------------|--|----------|--|
| Tunai simpan SSPN | Wang Tunai akan dikreditkan ke akaun Simpan SSPN | RM500.00 | 10 pemenang |

8. Setiap Peserta Layak berpeluang untuk memenangi maksimum satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

Mekanik Kempen

9. Untuk berpeluang memenangi Hadiah yang dirujuk dalam **Klausula 7** di atas, Peserta Layak perlu memperoleh penyertaan (“Penyertaan”) dengan melakukan pembayaran Zakat Simpanan kepada LZS (“Transaksi Layak”) seperti mana yang dinyatakan di bawah: -

| Transaksi Layak | Cabutan | Tempoh | Hadiah |
|--|-----------|-------------------------------|--------|
| Pembayaran Zakat Simpanan menggunakan medium FPX dibuat dengan mengakses myPTPTN dan pautan ke laman web pembayaran zakat LZS (fpx.zakatselangor.com.my) | 1 cabutan | 1 November – 31 Disember 2024 | RM500 |

10. Semua Transaksi Layak hendaklah dilakukan melalui myPTPTN yang dipautkan ke Laman Web LZS (fpx.zakatselangor.com.my) sahaja.

11. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam di dalam rekod transaksi Lzs semasa Tempoh Kempen.
12. Peserta Layak memperakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh penganjur sama ada mana-mana transaksi layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan sedemikian tidak boleh dicabar dalam apa cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang

Pemilihan Pemenang:

13. **Hadiah:**
 - a. Pada akhir Tempoh Kempen, sepuluh (10) Peserta Layak akan dipilih oleh Lzs secara rawak/ melalui kaedah e-cabutan mengikut **Klausula 9** dan **10** di atas akan diisyiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah**" dengan syarat bahawa beliau telah memenuhi keperluan yang dinyatakan.

Pemenuhan Hadiah

18. Pemenang Hadiah akan secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang**".
19. Penganjur akan menerbitkan nama Pemenang mereka melalui paparan komunikasi elektronik di laman web, sosial media dan medium berkaitan.
20. Dalam tempoh lapan (8) minggu selepas pengakhiran tempoh kempen (atau mana-mana tempoh lain seperti yang dimaklumkan oleh Penganjur), Pemenang akan menerima satu pemberitahuan melalui (a) e-mel; dan/atau (b) SMS; dan/atau (c) pemberitahuan semerta oleh Lzs; dan/atau (d) sebarang cara pemberitahuan lain yang termasuk penerbitan nama Pemenang melalui paparan komunikasi elektronik di laman web Penganjur dan medium berkaitan mengikut budi bicara mutlaknya untuk memaklumkan mereka berkenaan kemenangan mereka. Hadiah yang dimenangi, dan sebarang arahan penebusan jika berkenaan.
21. Sebagai penjelasan, pemenang yang dipilih akan diberikan pada masa dan tempat mengikut perkara yang akan diputuskan sesuai oleh pihak Penganjur.
22. Hadiah akan dikreditkan ke akaun Simpan SSPN pemenang.
23. Ia adalah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan bahawa nombor telefon mudah ahli mereka yang diberikan adalah semasa dan dikemas kini. Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan kerugian berbangkit/lanjutan yang mengalir akibat daripadanya) yang dialami sekiranya nombor telefon mudah ahli Peserta Layak dalam rekod penganjur adalah bukan semasa atau terkini.
24. Hadiah tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) yang lain, tidak boleh ditukar dengan Hadiah lain yang setara nilainya atau mana-mana alternatif lain. Di mana berkenaan, Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpan SSPN pemenang. Penganjur tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengreditkan Hadiah kepada mana-mana akaun lain.

Pihak Untuk Dihubungi

25. Peserta Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan Lzs untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syaratnya.

[TAMAT]